

**Semua 32 Politeknik Telah Wujudkan 1M4U Outreach Centre
Bernama
5 Januari, 2013**

SUNGAI PETANI, 5 Jan (Bernama) -- Semua 32 politeknik di negara ini telah mewujudkan program khidmat komuniti 1Malaysia For Youth (1M4U) Outreach Centre yang berperanan menggerakkan aktiviti pelajar bersama masyarakat.

Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Md Nor Yusof berkata program seperti itu amat digalakkan oleh KPT agar pelajar di institusi pengajian tinggi lebih kreatif, inovatif dan mampu berfikir di luar kotak.

"Program seperti ini sudah digerakkan di serata negara oleh politeknik lain, namun di negeri ini, ia adalah program pertama dan akan diteruskan pada masa akan datang," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program 1M4U di Kampung Masjid, Kuala Sungai Muda, Kota Kuala Muda, dekat sini Sabtu.

"Menerusi program ini, kita berharap ia dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak iaitu pelajar dapat bergaul dan menanam semangat kemahiran insaniah dalam diri, manakala masyarakat pula dapat berkongsi ilmu dengan pelajar agar dapat membantu meningkatkan ekonomi setempat menerusi bidang-bidang yang boleh diceburi," katanya.

1M4U dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada 15 Julai tahun lalu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=919637>